



## ANCAMAN IDEOLOGI NEW AGE MOVEMENT DALAM PROGRAM-PROGRAM MOTIVASI

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Jabatan Mufti Negeri Pahang mengambil perhatian serius terhadap penularan fahaman New Age Movement yang sudah mula menyusup ke dalam masyarakat Islam khususnya melalui platform motivasi, pembangunan diri, rawatan alternatif dan pembangunan spiritual. Gerakan ini membawa unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Islam seperti pantheisme, reinkarnasi, pluralisme agama, penyelewengan wahyu dan syariat. Gerakan ini begitu mudah menyerap ke dalam kursus-kursus pembangunan kendiri, seminar healing, dan latihan minda yang kelihatan seolah-olah neutral, tetapi sebenarnya membawa ajaran yang terpesong dari akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Umat Islam diingatkan agar berhati-hati terhadap mana-mana bentuk program yang menggunakan unsur metafizik dalam silibusnya yang tidak berdasarkan ajaran Islam yang sahih. Dalam hal ini, Sufisme Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berteraskan al-Quran, al-Sunnah dan turath ulama muktabar adalah jalan sebenar dalam memenuhi keperluan kerohanian umat Islam.

Pendekatan psikospiritual dalam tasawuf yang melibatkan amalan seperti tazkiyah al-nafs, zikir, muraqabah, serta pengenalan terhadap maqam-maqam kerohanian, adalah alternatif yang seimbang dan sah untuk menangani kekosongan jiwa manusia moden. Ia tidak hanya menjaga akidah tetapi juga mendidik jiwa agar kembali kepada Allah SWT dengan penuh adab dan rasa kehambaan.

Umat Islam disarankan merujuk ke Jabatan Mufti untuk mendapatkan nasihat yang tepat berkenaan apa-apa kemosykilan termasuk aktiviti-aktiviti yang menggunakan nama motivasi, pembangunan diri, spiritual dan lain-lain yang berkaitan.

**PROF. DATO' DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM. DSSS., PMK.  
SAHIBUS SAMAHAH MUFTI NEGERI PAHANG**

**12 JULAI 2025M BERSAMAAN 16 MUHARRAM 1447H**